



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**ATENDAN (F.2-3-4-5 EB.6)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**ATENDAN**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**F.2-3-4-5 EB.6 (\$495 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA PULUH EMPAT (24)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Tingkatan 1 atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membuat kerja-kerja yang memerlukan tenaga dan kekuatan yang lebih seperti mengangkat dan menghantar pesakit ke wad-wad, klinik pakar, bahagian pemulihan anggota, bahagian x-ray, *operation theatre* dan bahagian-bahagian yang diperlukan;
2. Menghantar spesimen dari wad ke Makmal;
3. Membantu jururawat menemankan pesakit ke katil atau bilik mandi semasa pesakit dimasukkan di wad;
4. Membantu kerja-kerja perkeranian seperti menghantar dan membawa pesakit melaksanakan pembayaran dan mengambil ubat ke bahagian wad *dispensary* sebelum pesakit dikeluarkan dari wad;
5. Membantu jururawat membawa pesakit yang dikeluarkan dari wad menggunakan troli atau kerusi roda menuju ke kenderaan masing-masing.;
6. Menghantar jenazah/mayat ke rumah atau ke bilik mayat;



7. Membuat kerja pembersihan di dalam wad jika diperlukan semasa ketiadaan tenaga pembersih pihak swasta selepas jam 10 malam (*shift duty*);
8. Mengemas dan membersihkan kaunter-kaunter, stor, almari ubat dan bilik-bilik rawatan pesakit; dan
9. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari masa ke semasa.